

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 29 MAC 2017 (RABU)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Gempa bumi lemah landa Lahad Datu	BERNAMA
2.	Waterspout wows Penangites	New Straits Times
3.	Turun padang kaji punca pencemaran	Kosmo
4.	China getting rid of environmental polluter tag	New Straits Times
5.	Polisi Rekabentuk Nasional memperkasa TN50	Mingguan Malaysia



Gempa Bumi Lemah Di Lahad Datu

KUALA LUMPUR, 29 Mac (Bernama) -- Gempa bumi lemah bermagnitud 3.4 pada skala Richter menggegarkan Lahad Datu, Sabah, pada pukul 6.26 pagi tadi.

Jabatan Meteorologi Malaysia, dalam kenyataan, berkata pusat gempa itu ialah 25 kilometer timur laut dari Kunak, Sabah.

"Gegaran mungkin dirasai di kawasan Lahad Datu dan Jabatan Meteorologi sedang memantau perkembangan," menurut kenyataan itu di sini.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
NEW STRAITS TIMES (NEWS) : MUKA SURAT 10
TARIKH : 29 MAC 2017 (RABU)



Heavy rain in Penang triggered a waterspout at sea off the Penang Bridge yesterday. (Inset) Motorcyclists braving a flash flood in Jalan P. Ramlee in George Town yesterday. PIX BY SHAHNAZ FAZLIE SHAHRIZAL AND COURTESY OF NST READER

PENANG HAVOC

WATERSPOUT WOWS PENANGITES

Heavy downpour triggers flash floods in low-lying areas

MOHAMED BASYIR
 AND AWAINA ARBEE
GEORGE TOWN
 news@nst.com.my

A DOWNPOUR in the northeast area of Penang Island wreaked havoc and triggered flash floods in low-lying areas, with a waterspout reported at sea yesterday.

The heavy rain started at 5.54pm and water in some areas rose to ankle-level.

Residents in Jalan Sungai Pinang were caught off guard when rain caused the drain to overflow into their neighbourhood.

A noodle seller there was forced to close his business as the heavy rain did not show any signs of abating.

"On a good day, I can sell hundreds of packets, but today, in this heavy rain, it's better to close my shop and open on a day with good weather so my food will not go to waste," said the trader, who wished to remain anonymous.

Parts of Jalan P. Ramlee, near SMK Abdullah Munshi, Lebu Queen and Jalan Haji Hashim Iman, were flooded but vehicles managed to pass through.

H'ng Zhao Lun, 52, who lives opposite the secondary school said: "Thankfully, our houses are built on higher ground. But I will still be careful and start making preparations to move valuable items to a higher place, in case the flood worsens."

"It is odd to see floods at this time. We hardly had any rain this time last year. I hope the waters subside quickly."

The rain stopped at 7.15pm and the water subsided by 8pm.

The heavy rain also triggered an unusual waterspout, which became a social media buzz.

Businesswoman E.V. Phang, 30, who was driving along the

Penang Bridge, said she was shocked to encounter the phenomenon. She took a video of the waterspout, which lasted more than a minute.

"Luckily, it was just a waterspout. I saw it swirling wildly in the sea before hitting the bridge divider."

Phang said by the time she reached the end of the bridge, heading towards Prai, the waterspout had disappeared.

A state Fire and Rescue Department spokesman said no reports were lodged and no unwanted incidents took place.

A spokesman from the Meteorological Department told the *News Straits Times* that the waterspout was "harmless".

"During heavy rain, the wind is very strong in the middle of the sea. When it meets the rain, it forms a cyclone-like waterspout. It is not dangerous as it moves only on the surface of the water."

"It will vanish either when the rain stops or the strong wind abates," he said.

In **Kuala Lumpur**, the flash

floods that occurred daily were expected to last until the middle of May.

Meteorological Department deputy director for Operations Alui Bahari said the country was hit by heavy rain due to the inter-monsoon season.

"It is not uncommon for flash floods to occur during the inter-monsoon season beginning from the middle of March until the middle of May."

Alui said the season was changing from the northeast monsoon to the southwest monsoon.

He said flash floods would occur regularly during the season in the west coast of Peninsular Malaysia.

Alui warned that people should expect uprooted trees to occur in the areas affected with bad weather.

Meanwhile, an officer of the Petaling Jaya Municipal Council said they would do their best to clear fallen trees.

"As soon as complaints are lodged, we will send out a team to address the situation," he said.

KERATAN AKHBAR
KOSMO (RENCANA UTAMA) : MUKA SURAT 22
TARIKH : 29 MAC 2017 (RABU)

**RENCANA
UTAMA**

SAMPEL air yang diambil akan dihantar ke Jabatan Kimia untuk dianalisis.



UTFAS juga terlibat secara langsung dalam kajian banjir besar yang melanda Kelantan pada 2014. - Gambar hiasan

Turun padang kaji punca pencemaran

UTFAS telah terlibat dan dirujuk secara langsung dalam isu-isu seperti kesan pembukaan ladang pertanian dan penerokaan hutan yang tidak terkawal di Cameron Highlands, Pahang.

PAGI itu, kenderaan yang dinaiki **Mohd. Hanif Abdullah, 26**, menderu menuju ke kawasan Pelabuhan Pulau Pinang. Apabila tiba di kawasan perairan berkenaan, dia terlihat tumpahan minyak di atas permukaan air laut dipercayai berpunca daripada sebuah kilang berhampiran. "Amat menyedihkan apabila melihat keadaan tumpahan minyak agak teruk. Permukaan laut di situ berbuih-buih dan warna air sudah bertukar menjadi hitam. "Ia boleh menjejaskan punca rezeki penduduk di perkampungan nelayan berhampiran kawasan ini.

"Saya telah mengambil gambar dan sampel air berkenaan untuk diserahkan kepada **Jabatan Kimia** supaya dapat dianalisis," kata pelajar peringkat Doktor Falsafah (PhD) dalam jurusan Forensik Alam Sekitar dari Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Terengganu.



MOHD. HANIF



HAFIZAN

Mohd. Hanif turut menerajui kajian kualiti air bawah tanah di Taman Tasik Ampang, Kuala Lumpur. Penuntut tahun kedua itu menghabiskan masa tinggal di dalam khemah selama 42 hari demi mencari alternatif sumber air terbaharu supaya dapat disalurkan kepada penduduk di Lembah Klang.

Sokongan teknikal

Anak kelahiran Kuala Nerus, Terengganu itu perlu melihat sama ada air berkenaan boleh digunakan terus atau perlu dirawat terlebih dulu.

Aktiviti-aktiviti Mohd. Hanif itu adalah tanggungjawabnya sebagai ahli Unit Tindakan Kecemasan Forensik Alam Sekitar (UTFAS) yang ditubuhkan di bawah Institut Penyelidikan Alam Sekitar Pantai Timur (ESERI) pada November 2013.

Ia ditubuhkan bertujuan menangani isu-isu pencemaran alam sekitar dengan kadar segera.

Pengarah ESERI, **Prof. Madya Dr. Hafizan Juhair** berkata, UTFAS ditubuhkan untuk menjadi unit tindakan sokongan teknikal dan saintifik kepada agensi kerajaan dan swasta yang memerlukan perkhidmatan dalam penyiasatan,



TURBIDITY meter ini merupakan alat mudah alih bagi menguji kekeruhan air.

persampelan dan analisis lapangan bagi penentuan punca berkaitan pencemaran.

"Kajian dan analisis itu termasuk bidang kimia forensik, kualiti udara, air, tanah, geologi, biologi, hidrologi, analisis data dan kejuruteraan kimia.

"Malah, turut merangkumi kepakaran dalam bidang sains komputer, kesihatan, fizik, kejuruteraan mekanikal, sains sukan, pengurusan alam sekitar dan sains sosial," katanya.

UTFAS telah terlibat dan dirujuk secara langsung dalam isu-isu alam sekitar seperti perlombongan bauksit di Pahang dan pencemaran air di Sungai Semenyih, Selangor.

"Semasa di Sungai Semenyih, UTFAS telah membawa beberapa peralatan untuk mengambil sampel air dan tanah seperti YSI Pro Multiparameter dan Modern Water BOD Check. Ia bagi mengukur oksigen terlarut, nitrogen ammonia, indeks kelalihan, suhu dan pepejal terampai.

UTFAS yang ditubuhkan di bawah Institut Penyelidikan Alam Sekitar Pantai Timur ini terletak di UniSZA, Gong Badak, Terengganu.



SAMBUNGAN...

KOSMO (RENCANA UTAMA) : MUKA SURAT 23

TARIKH : 29 MAC 2017 (RABU)



PASUKAN UTKFAS turut mendapatkan sampel air dari Sungai Semenyih, Selangor untuk dianalisis.

“Sampel-sampel berkenaan kemudiannya dibawa ke makmal ESERI dan sebahagiannya dihantar ke Jabatan Kimia untuk dikaji serta dianalisis,” ujarnya.

Selain itu, Hafizan berkata, UTKFAS turut terlibat dalam kajian pencemaran akibat tumpahan minyak di pesisiran pantai Semenanjung Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak serta kesan pembukaan ladang pertanian dan penerokaan hutan yang tidak terkawal di Cameron Highlands, Pahang.

Banjir besar

UTKFAS juga menjadi unit tindakan sokongan kecemasan dan teknikal kepada operasi Janakuasa Elektrik Hidro, Tenaga Nasional Berhad (TNB) di Empangan Kenyir, Terengganu dalam isu-isu berkaitan gangguan operasi harian mereka.

“Kami turut terlibat secara langsung dalam kajian banjir besar yang melanda Kelantan pada 2014. UTKFAS telah melakukan pemantauan kualiti air dan udara di kawasan-kawasan yang paling serius dilanda banjir di Kuala Krai dan Gua Musang.

“Penilaian kawasan penempatan semula mangsa bencana banjir di Kelantan menerusi aerial foto dan sistem maklumat geografi (GIS) menggunakan dron dan kapal terbang

kawalan jauh juga turut dijalankan,” tuturnya.

Bercakap mengenai cabaran, Hafizan menjelaskan, kekangan kewangan mengakibatkan pembelian peralatan dan pembangunan makmal basah agak perlahan. Ketiadaan makmal bergerak itu agak mengganggu kelancaran tindakan kerana perlu mematuhi

prosedur penggunaan kenderaan universiti. Cabaran lain adalah untuk melatih pelajar dan calon yang berminat dalam forensik alam sekitar.

Buat masa ini, UTKFAS mempunyai kekuatan 10 anggota pakar dan profesional, tiga pegawai sokongan teknikal serta dua pembantu rendah.

Ahli-ahli lain terdiri daripada pelajar pascasiswazah di peringkat sarjana dan PhD. Mereka turut didedahkan dengan pengendalian peralatan, persampelan dan analisis lapangan.

Pegawai Sains Kanan UTKFAS, Syahril Hirman Azmee berkata, UTKFAS mempunyai peralatan teknikal yang terdiri daripada peralatan kerja lapangan mudah alih bernilai RM2.2 juta.

“Dana permulaan itu diperoleh daripada peruntukan universiti yang telah diluluskan pada tahun 2014 dan perolehan peralatan lengkap sepenuhnya pada tahun 2015. Peralatan sedia ada adalah peralatan pengukuran insitu.



SYAHRIL

“Berdasarkan rekod kerjasama dan penglibatan UTKFAS secara aktif dalam isu-isu alam sekitar di Malaysia, ia telah membuktikan peranannya kepada negara dalam menangani isu-isu berkenaan yang semakin mencabar dan kompleks,” terangnya.

Penderia

Di samping itu, pendekatan yang digunakan dalam aktiviti tindakan kecemasan unit ini dapat merealisasikan hasrat Kementerian Pengajian Tinggi dalam mereka bentuk semula pendidikan tinggi yang bertujuan membolehkan pelajar universiti belajar, bekerja, menjana pendapatan dan memperoleh kemahiran.

Terkini, ESERI telah dipilih untuk pemasangan peralatan Magnetometer II 601G iaitu sebagai penderia untuk pemantauan variasi geomagnetik alam sekitar bagi kajian berkaitan gempa bumi, cuaca angkasa dan juga beberapa parameter ruangan ionosfera bumi bagi kawasan Pantai Timur.

“Inisiatif kajian itu adalah hasil kerjasama ESERI, Universiti Teknologi Mara, Universiti Kebangsaan Malaysia, Agensi Angkasa Malaysia dan Universiti Kyushu, Jepun.

“Pemasangan alat ini menjadikan UnisZA sebagai titik fokus kepada sistem amaran awal gempa bumi dan tsunami serta sains atmosfera di Pantai Timur,” katanya.

RENCANA UTAMA

AHLI UTKFAS ini mengambil bacaan udara menggunakan alat dust meter.

INFO

UTK Forensik Alam Sekitar (UTKFAS)

- UTKFAS merupakan sebuah unit yang ditubuhkan di bawah Institut Penyelidikan Alam Sekitar Pantai Timur (ESERI), Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu.
- Ditubuhkan bagi tujuan menangani isu-isu pencemaran alam sekitar yang dilaporkan dengan kadar segera.
- Meliputi keupayaan kajian pencemaran air, udara, tanah, bunyi dan cahaya.
- Dilengkapi dengan makmal bergerak dan peralatan saintifik bernilai RM2.2 juta.
- Mempunyai kekuatan 10 orang anggota pakar dan profesional, tiga pegawai sokongan teknikal dan dua pembantu rendah.
- Rakan kerjasama lain termasuklah Universiti Malaysia, Jabatan Alam Sekitar Terengganu, Universiti Malaysia Terengganu dan Tenaga Nasional Berhad.

Kes-kes yang ditangani

- Terlibat dalam analisis pencemaran di Sungai Semenyih pada September 2016
- Menjadi rujukan isu perkombarangan bauksit di Pahang pada 2016
- Membantu melakukan pemantauan kualiti air dan udara di Kuala Krai dan Gua Musang ketika banjir besar 2014
- Buat masa ini memainkan peranan sebagai unit tindakan sokongan kecemasan dan teknikal kepada operasi Janakuasa Elektrik Hidro TNB di Empangan Kenyir, Terengganu



DR AHMAD
IBRAHIM



People wearing masks at Tiananmen Square in Beijing. Carbon trading is something that even the developed West struggles to put in place, but China is paving the way. AFP PIC

REDUCING POLLUTION

CHINA GETTING RID OF ENVIRONMENTAL POLLUTER TAG

Nation's plan to reduce greenhouse gas emissions includes implementing carbon trading

FEW would disagree that China is among the largest drivers of the world economy.

In fact, in a few years, it will be just that – the leading driver of the global economy. It is easy to understand why. With a population approaching 1.5 billion, Chinese consumers are already a major force in the world consumption economy.

And, as the Chinese middle class grows, which it will in the coming years, United States consumers will soon pale in comparison with the Chinese. Already, global tourism is dominated by big-spending tourists from China.

In many tourist spots around the world, you are bound to bump into them. It is estimated that about 100 million Chinese travel the world every year. Many tourist spots have included Mandarin as an additional language in

their communication kits.

In Malaysia, we are aiming for just one million of that this year.

In the rush for development, China went into high gear soon after embracing the market economy in the early 1990s. The support infrastructure that the country desperately needed was built at breakneck speed. The construction of roads and highways linking cities and the ports did not take long. It was easy because every decision came from the one central authority.

The same was true for the country's venture into manufacturing. The modernisation of factories largely operated by state-owned enterprises also happened very fast. Everything happened so fast that regard for the environment was largely ignored.

This soon proved devastating for the nation. The air became quickly polluted by the emissions of pollutants, particularly particulates. Many rivers and waterways got caught up in water pollution, especially as a result of industrial waste water from factories mostly built in a hurry in the name of development. It was definitely unsustainable.

One such environmentally damaging example, which received worldwide publicity, was the havoc created when rare

earth mining in China went out of control. Independent miners ignored environmental guidelines. The result was a massive water pollution problem that attracted negative publicity on rare earth production worldwide.

Even in Malaysia, the Lynas rare earth operation was unfairly judged largely because of horror stories from China. Now, after five years, all the concerns have been proven to be unfounded and baseless.

As China progressed, the issue of environmental neglect was used by other countries to discredit China at international meetings. The meetings that had hurt China the most were climate conferences where calls were made for China to be included in the list of countries that should observe emission targets.

In the early days of the agreement, the list only applied to more developed countries, such as the US, European Union and Japan. So much so that some developed countries have called for the clause on "common but differentiated" term to be deleted from the agreement on climate mitigating actions.

The deletion would mean the list of countries to observe emission targets would be expanded to include developing nations as well. As expected, such a call was

vehemently objected by developing nations.

This is because, in terms of per capita emission of greenhouse gas, the levels recorded by developing countries are much lower.

Notwithstanding, China has taken the decision to act on its greenhouse gas levels. It has implemented a master plan that aims to continuously reduce emissions. Furthermore, China suffers a lot from smog and air pollution caused by poor environmental practices.

We hear of dangerous air pollution indices in the nation's major cities, especially Beijing. Apart from the deployment of cleaner production systems in factories, China has also embarked on a programme to phase out coal in its power generation systems. But more than that, China has recently implemented carbon trading as the other instrument to reduce greenhouse gas emissions.

This is now implemented in seven provinces. Carbon trading is something that even the developed West struggles to put in place. And China has paved the way, which goes to show that China is now taking environmental matters seriously.

The writer is Academy of Sciences Malaysia UCSI University Fellow

6 Apart from the deployment of cleaner production systems in factories, China has also embarked on a programme to phase out coal in their power generation systems.

Polisi Rekabentuk Nasional memperkasa TN50

PENGGUBALAN Polisi Rekabentuk Nasional sebagai platform untuk memperkasa Transformasi Nasional 50 (TN50) seperti yang dicetuskan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dianggap sebagai langkah bijak lagi tepat bagi memastikan negara ini terus kekal bersaing secara kompetitif dalam arena pasaran global.

TN50 dirangka dan dilaksanakan bertujuan membangun dan menajaga pelbagai sumber dan aset yang ada di Malaysia sebagai persediaan rapi menghadapi kedatangan 2050 dalam arus globalisasi yang semakin mencabar terutama menampung kehidupan di planet dunia yang semakin sesak dan padat dengan warga penduduknya.

Menurut laporan statistik unjuran Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBBB) tahun lalu, penduduk dunia pada tahun 2050 dijangka meningkat kepada 9.3 bilion berbanding jumlah penduduk dunia sekarang seramai 7 bilion orang.

Pengerusi Majlis Rekabentuk Malaysia (MRM), Prof. Datuk Dr. Ahmad Haji Zainuddin menyatakan misi MRM ialah menjadikan Malaysia sebagai antara pemain global dan seni reka menjadi nadi penggerak utama kepada peningkatan ekonomi dan kesejahteraan masyarakat menjelang tahun 2050.

"Dunia pada tahun 2050 akan menjadi sesak dan padat. Inilah masanya peranan yang seharusnya dimainkan oleh reka bentuk untuk melihat semua ini bagi mengurangkan masalah sesak dan sendat ini. Jadi Wawasan TN50 ini merupakan idea paling bernas Perdana Menteri untuk menajaga peluang-peluang ekonomi melalui reka bentuk," katanya.

Menurut Dr. Ahmad lagi, Malaysia beruntung kerana memiliki pemimpin berwawasan dan ahli profesional berkecayaan untuk memacu kejayaan di masa depan.

"Persepsi pemimpin dan pembuat dasar yang telah meletakkan agenda reka bentuk sebagai agenda nasional

PENCETUS INSPIRASI

BERSAMA
SAHIDAN JAAFAR
sahidan.jaafar@gmail.com



"PRODUK Malaysia mampu bersaing di arena global menjelang 2050," kata Dr. Ahmad.

merupakan suatu keputusan bijak dan berwawasan. Kerajaan melalui MRM sentiasa menjadikan aktiviti reka bentuk sebagai salah satu agenda strategik negara," kata Dr. Ahmad.

Selain itu, kepadatan penduduk ASEAN yang ketika ini berjumlah seramai 630 juta orang yang rata-ratanya mempunyai kuasa beli yang tinggi sewajarnya dijadikan medan pengeluar barangan untuk menghasilkan produk yang bermutu tinggi dengan reka bentuk menarik bagi merebut peluang-peluang pasaran di rantau ini.

"Tanpa reka bentuk negara akan jadi gersang, nilai hidup gersang, ekonomi statik dan tidak berkembang. Reka bentuk menjadi nadi kehidupannya. Tanpa reka bentuk *environment* tidak terserlah

keberkesannya kerana tiada tarikan. Reka bentuk bukan saja menarik minat, malah menjadi pencetus inspirasi," kata Dr. Ahmad lagi.

Beliau menyatakan, reka bentuk kini tidak boleh lagi dipandang sebagai kosmetik semata-mata tetapi boleh di manipulasi perannya untuk membentuk dan menajaga peluang ekonomi serta sosiobudaya sesebuah negara supaya mampu untuk kekal bersaing dalam pasaran global dan memastikan produk yang dikomersialkan itu berjaya mendapat permintaan pasaran yang lebih baik.

Menurutnya, Malaysia boleh mencontohi negara-negara maju seperti Finland, Sweden, Jerman, Korea Selatan, Jepun serta Taiwan bagi menyediakan platform yang

sesuai untuk membudayakan aktiviti reka bentuk dalam kalangan masyarakat di sana.

Malah, idea kreatif dan inovatif daripada negara-negara jiran seperti Singapura, Thailand dan Filipina yang begitu aktif meneroka industri reka bentuk boleh dicontohi pereka tempatan bagi memastikan produk yang dihasilkan mampu diterjemah kepada bentuk dan produk yang boleh memberi manfaat kepada rakyat dan negara.

Mengimbas kembali kenangannya semasa kecil, Dr. Ahmad menceritakan beliau mempunyai seorang kakak, Kalsom Haji Zainuddin, 70, yang mengalami kecacatan kaki sejak lahir lagi.

"Saya masih ingat, semasa kakak saya masih muda dulu pernah diberikan kaki palsu. Tapi kakak saya tak mahu pakai, sebab dia kata rasa tak selesa. Sebabnya, reka bentuk kaki palsu era 1950-an tidak menarik dan tidak berfungsi seperti anggota manusia sebenar," ceritanya.

Namun begitu, Dr. Ahmad menceritakan, selepas era 1980-an sudah ada inovasi penciptaan kaki palsu yang benar-benar berfungsi seperti pancaindera manusia biasa dan relevan dengan kehendak pengguna.

"Contoh saya beri ini penting untuk kita melihat betapa pentingnya reka bentuk dalam mendapat kepercayaan masyarakat dan memenuhi kehendak pasaran.

Memang dari segi peralatan perubatan dan kesihatan juga kita menggalakkan reka bentuk barangan direka bentuk secara universal yang memiliki sifat-sifat manusia seperti jari, kaki, tangan dan anggota lain yang boleh berfungsi bagi memudahkan orang cacat atau OKU bergerak dan menjalankan aktiviti harian dengan selesa," katanya.

Sehubungan itu MRM mempromosi dan menggalakkan aplikasi reka bentuk berkualiti oleh sektor kerajaan, pendidikan dan perindustrian serta mewujudkan iklim penciptaan dan inovasi menerusi reka bentuk bagi



Persepsi pemimpin dan pembuat dasar yang telah meletakkan agenda reka bentuk sebagai agenda nasional merupakan suatu keputusan bijak dan berwawasan. Kerajaan melalui MRM sentiasa menjadikan aktiviti reka bentuk sebagai salah satu agenda strategik negara.

memastikan agenda negara untuk menjadikan inovasi sebagai budaya hidup masyarakat Malaysia menjadi kenyataan dan seterusnya mencapai status negara berpendapatan tinggi.

"MRM merupakan peneraju dan penyelaras kepada aktiviti reka bentuk bagi memastikan produk rekaan dan keluaran tempatan berdaya saing di pasaran global dan seterusnya memacu kemajuan negara menerusi reka bentuk berkualiti," katanya kepada *Mingguan Malaysia*.

Menurut Dr. Ahmad lagi Malaysian Good Design Mark merupakan satu pengiktirafan tertinggi ke atas reka bentuk yang diberikan oleh kerajaan Malaysia melalui Majlis Rekabentuk Malaysia yang mengiktiraf produk dengan reka bentuk berkualiti di Malaysia. Sebanyak 42 produk hasil kreativiti dan inovasi daripada 31 buah syarikat telah berjaya mendapat pengiktirafan Malaysian Good Design Mark.

"Melalui pengiktirafan ini juga kita mampu meningkatkan reputasi syarikat kerana dalam jangka masa panjang ia akan menjadi jaminan kepercayaan kepada pengguna terhadap produk yang dikeluarkan

oleh syarikat tersebut," katanya.

Pengiktirafan ini juga katanya selaras dengan objektif MRM mempromosikan reka bentuk berkualiti dalam kalangan pengeluar talpa meminggirkan aspek kualiti selain menyemarakkan usaha sektor perindustrian di Malaysia dalam menghasilkan produk dengan rekaan menarik, inovatif, berkualiti dan berdaya saing di pasaran tempatan dan antarabangsa.

Selain itu katanya, Pertandingan Rekabentuk Malaysia turut menjadi platform mengiktiraf kreativiti dan keupayaan bakat-bakat muda tempatan dalam menghasilkan idea reka bentuk produk yang kreatif dan inovatif serta bernilai komersial yang boleh dimanfaatkan oleh Kementerian Pendidikan dan agensi-agensi berkaitan ke arah mewujudkan generasi muda yang kreatif dan inovatif.

Untuk kepentingan sektor perindustrian di Malaysia, MRM turut menggalakkan perkongsian informasi dan pertukaran profesional reka bentuk menerusi International Council of Societies of Industrial Design (ICSID) dan International Council of Graphic Design Associations (ICOGRADA).